

Headline	Amirul sambung pelajaran ke UUM		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	04 Sep 2012	Language	Malay
Circulation	192,982	Readership	1,521,000
Section	Nasional	Color	Full Color
Page No	16	ArticleSize	209 cm ²
AdValue	RM 7,049	PR Value	RM 21,146



Amirul sambung pelajaran ke UUM

Sintok: Pelajar miskin dari Tumpat Kelantan, Che Amirul Ashraf Che Mat, 20, yang sebelum ini pernah membatalkan hasrat untuk menyambung pengajian di Universiti Utara Malaysia (UUM) kerana mahu menjaga ibunya, mendaftar di menara gading itu semalam.

Che Amirul yang ditemani ibunya, Norizan Abdul Ghani, 47, tiba di UUM bagi mendaftar sebagai penuntut Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Pembangunan.

Dapat perhatian Suara Komuniti BH

Masalah yang membelenggu Che Amirul akibat kedaifan hidup, mendapat perhatian *Suara Komuniti BH* yang meninjau dan mengetengahkan kesukaran harian keluarga itu.

Kesusahan Che Amirul dan



“*Hanya cara menyambung pengajian ini, saya dapat mengubah nasib keluarga yang menderita akibat kemiskinan*”

Che Amirul Ashraf Che Mat,
Pelajar miskin

keluarga yang terpaksa mendiami kediaman uzur yang di-siarkan *BH*, mendapat perhatian UMNO Bahagian Tumpat dengan memberi jaminan untuk membaik pulih rumah serta memberi bantuan wang ihsan sebanyak RM800.

Che Amirul berkata, walaupun pernah berputus asa untuk melanjutkan pengajian berikutan bimbang meninggalkan ibunya di rumah uzur mereka, berkat sokongan dan nasihat ibu serta datuknya, Abdul Ghani Abdul Rahman, 81, akhirnya dia meninggalkan keluarga untuk mengejar segulung ijazah.

Malah katanya, dia boleh meninggalkan ibunya dengan tenang apabila adiknya, Che Nurul Anis, 17, dan Che Amirul Alif, 14, berjanji untuk menjaga ibunya dengan baik.

“Saya memang pernah ber-



putus asa kerana tidak sanggup meninggalkan ibu yang tidak sihat kerana baru menjalani pembedahan tiroid, namun berkat bantuan *BH* yang prihatin terhadap keperluan hidup saya, akhirnya saya bertekad untuk meneruskan pengajian.

“Hanya cara menyambung pengajian ini, saya dapat mengubah nasib keluarga yang selama ini menderita akibat kemiskinan,” katanya ketika ditemui selepas mendaftar sebagai penuntut di UUM.

Katanya, ibunya kini hanya akan berniaga kuih tradisional apabila kesihatan mengizinkan dengan pendapatan purata RM100 sebulan.